

Kerajaan tidak pernah menentang pembinaan jambatan ganti tambak

JOHOR BAHRU 6 Nov. - Kerajaan tidak pernah menentang rancangan untuk membina jambatan bagi menggantikan Tambak Johor, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Kabinet juga tidak pernah membuat keputusan bahawa tambak itu tidak akan digantikan dengan jambatan.

Bagaimanapun, katanya yang menjadi

halangan ialah apabila Malaysia mahu membuat jambatan lurus menggantikan Tambak Johor, Singapura mahukan timbal balas iaitu supaya negara ini menjual pasir kepada mereka dengan jumlah yang besar dan penggunaan ruang udara.

"Kedua-dua perkara ini merupakan sesuatu yang sukar untuk kita terima dari segi politiknya dan oleh itu kita tidak boleh membina jambatan lurus.

Bagaimanapun, apabila kita mahu membina jambatan bengkok, walaupun kita telah memberi arahan untuk membihanya, Singapura pula telah membayangkan mereka akan mengambil tindakan undang-undang di mahkamah antarabangsa.

"Oleh itu apabila kita berdepan dengan kebuntuan, maka Kabinet memikirkan lebih baik kita membatalkan projek ini. Itulah sebenarnya asas keputusan kita,"

katanya pada sidang akhbar selepas menu-tup Konvensyen UMNO Johor, di sini hari ini.

Beliau yang juga Timbalan Presiden UMNO berkata demikian ketika ditanya mengenai titah Sultan Johor yang meminta supaya Tambak Johor dirobohkan bagi membolehkan kapal menyeberangi Selat Tebrau yang memisahkan Malaysia dan Singapura.